



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

02 Februari 2016

Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia Berhubung Laporan Portal Berita The Malay Mail Online

- 1) PAC kesal dengan laporan tidak bertanggungjawab portal berita The Malay Mail Online hari ini, yang memetik sumber tidak bernama bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) gagal menepati tarikh pembentangan Laporan Akhir Terhadap Pengauditan 1MDB kepada Jawatankuasa ini pada Februari ini.
- 2) Laporan tidak berasas dan tidak bertanggungjawab berkenaan jelas bertujuan untuk merosakkan reputasi dan kredibiliti PAC serta JAN yang sentiasa komited dalam melakukan pengauditan yang telus dan akauntabiliti terhadap 1MDB demi kepentingan rakyat.
- 3) PAC menegaskan bahawa JAN akan tetap membentangkan Laporan Akhir Terhadap Pengauditan 1MDB pada Februari ini.
- 4) Sehubungan itu, PAC mahu dan meminta semua pihak supaya menyakini dan percaya terhadap Jawatankuasa ini. Lagi pun Jawatankuasa ini dianggotai ahli terdiri daripada pelbagai parti termasuk parti pembangkang, tidak ada perkara yang harus dilindungi dan laporan PAC adalah berasaskan kepada maklumat yang tepat dan benar.
- 5) PAC juga kesal pihak Peguam Negara Switzerland memilih untuk memberi maklumat kepada media berhubung dengan 1MDB seharusnya, pihak berkuasa negara berkenaan terus mengurus dengan kerajaan Malaysia. Membuatkan kenyataan di akhbar boleh menimbulkan banyak spekulasi dan tidak berasaskan kepada fakta yang tepat.